

08/10/2001

DAP tidak perlu terkejut perisytiharan negara Islam

KUALA LUMPUR, Ahad - Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin hari ini, terkejut dengan kenyataan DAP bahawa parti itu terperanjat dengan perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Malaysia tidak boleh dianggap sebagai negara sekular memandangkan tidak ada negara sekular yang meluluskan undang-undang yang berkaitan kepentingan kebajikan dan pembangunan sesuatu agama.

Zainuddin mengulas kenyataan Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock yang dilaporkan berkata, parti itu dan rakyat Malaysia yang memahami dan menerima sistem sekular dalam Perlembagaan 1957 terkejut dengan kenyataan Perdana Menteri bahawa Malaysia adalah negara Islam.

Beliau berkata, Malaysia adalah negara Islam paling moden dan progresif di dunia apabila kalangan bukan Islam sendiri memberikan sokongan dalam Parlimen terhadap kelulusan undang-undang mengenai penubuhan institusi Islam seperti Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa dan Tabung Haji.

Zainuddin berkata tindakan DAP itu menggambarkan seolah-olah selama ini parti itu tidak dapat menerima beberapa undang-undang mengenai Islam yang diluluskan Parlimen.

"Adakah DAP selama ini tidak dapat menerima penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, bank Islam dan lain-lain lagi sehingga mereka terkejut apabila Dr Mahathir mengumumkan Malaysia, negara Islam," katanya.

Zainuddin berkata, pindaan Perlembagaan juga tidak perlu bagi mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam memandangkan ia telah difahami dan diterima baik oleh bukan Islam apabila beberapa undang-undang mengenai Islam diluluskan Parlimen.

Pada 29 September lalu, Dr Mahathir menyahut cabaran Pas dengan mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam.

Jumaat lalu, beliau menyatakan perlembagaan Malaysia tidak perlu dipinda berikutan perisytiharan itu kerana Malaysia sudahpun menjadi negara Islam.

Di MELAKA, Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk M Kayveas berkata tidak perlu isu negara Islam dibentangkan di Parlimen seperti yang diminta Pas.

"Kita dah merdeka 44 tahun dan semua penduduk hidup aman damai, tidak ada masalah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perasmian Konvensyen PPP Melaka yang dirasmikan Ketua Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

Kayveas berkata, PPP menyokong penuh pengisytiharan Perdana Menteri mengenai Malaysia sebagai negara Islam dan penganut agama lain bebas menjalankan kegiatan keagamaan mereka.

"Pas sudah tidak ada isu, dan menggunakan negara Islam sebagai isu untuk mereka menarik perhatian rakyat," katanya.

(END)